

5.1 PERANAN KERAJAAN DALAM EKONOMI

1. Bagaimanakah pelaksanaan cukai oleh kerajaan dapat mengawal selia pengeluaran?
 - A Mengawal kadar pencemaran dalam pengeluaran.
 - B Mengawal kualiti barang yang dikeluarkan.
 - C Mengawal harga barang yang dijual.
 - D Mengurangkan modal pengeluaran.
2. Apakah konsep pengangguran?
 - A Tenaga buruh yang aktif mencari kerja dan sanggup bekerja tetapi gagal mendapat pekerjaan.
 - B Tenaga buruh yang sanggup bekerja dan meningkatkan hasil eksport negara.
 - C Tenaga buruh yang sanggup bekerja di syarikat swasta.
 - D Tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan produktif.
3. Pernyataan yang manakah merupakan faedah sampingan kepada kakitangan awam.
 - A Menerima bonus yang lumayan pada akhir tahun
 - B Menikmati rawatan perubatan di klinik panel
 - C Mendapat elaun tambahan kerja lebih masa
 - D Kemudahan pinjaman perumahan
4. Gambar di bawah berkaitan dengan syarikat monopoli semulajadi.



Pernyataan yang manakah betul?

- A Tiada sekatan kebebasan firma keluar masuk pasaran
- B Firma lain boleh mengeluarkan keluaran yang sama
- C Kerajaan sebagai penentu harga barang di pasaran
- D Memerlukan kos modal yang rendah

5. Apakah kesan pelaksanaan cukai oleh kerajaan dalam mengawal selia pengeluaran?
 - A Menggalakkan pengeluaran barang tertentu mengikut cadangan kerajaan
 - B Meningkatkan beban pengeluaran barang yang membahayakan kesihatan
 - C Menetapkan secara khusus kawasan perindustrian di lokasi tertentu
 - D Mencegah aktiviti pengeluaran yang mencemarkan alam sekitar
6. Antara yang berikut, pilih pernyataan yang tepat menggambarkan barang awam.
 - A Encik Amin membayar sebanyak RM450 untuk kos penyelenggaraan keretanya
 - B Pihak Zoo Taiping telah menyediakan kemudahan parkir khas untuk semua pengunjungnya
 - C Puan Amysha menghantar anaknya ke Pusat Tuisyen Bestari pada setiap hujung minggu sebagai persediaan menghadapi SPM
 - D Semua pelajar diingatkan untuk membalut dan menjaga semua buku teks yang telah dibekalkan oleh pihak sekolah
7. Apakah kesan pelaksanaan subsidi oleh kerajaan dalam mengawal selia eksternaliti negatif?
 - A Menggalakkan penggunaan teknik pengeluaran berasaskan teknologi hijau
 - B Menempatkan secara khusus kawasan perindustrian di kawasan tertentu
 - C Menetapkan harga yang lebih rendah daripada harga keseimbangan
 - D Mengisytiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan
8. Pernyataan yang manakah merujuk kepada faedah sampingan yang kerajaan tawarkan kepada penjawat awam?
 - A Caruman insurans nyawa
 - B Percutian yang menarik setiap hujung tahun
 - C Elaun perumahan dan elaun sara hidup (COLA)
 - D Peluang mendapat kenaikan pangkat yang lebih tinggi
9. Maklumat berikut berkaitan dengan objektif kerajaan.

“Kerajaan perlu memastikan kadar inflasi yang rendah dalam negara .”

Apakah objektif makroekonomi tersebut?

- A Kestabilan harga
 - B Guna tenaga penuh
 - C Pertumbuhan ekonomi
 - D Kestabilan imbalan pembayaran
10. Antara yang berikut, kombinasi manakah yang betul mengenai hubungan antara peranan kerajaan dalam menjaga kebajikan masyarakat.

	Peranan Kerajaan	Fungsi
A	Sebagai pengeluar	Mengeluarkan barang ekonomi agar dapat memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
B	Mencapai pertumbuhan ekonomi	Kerajaan campur tangan dalam ekonomi untuk mengawal kuasa pasaran supaya harga barang dapat distabilkan
C	Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif	Aktiviti pengeluaran yang semakin pelbagai dalam ekonomi memerlukan pemantauan agar tidak menindas pengguna
D	Mencapai kestabilan harga	Imbalan pembayaran lebihan dapat dicapai jika melebihi pengaliran masuk wang melebihi pengaliran wang keluar

11. Apakah ciri monopoli semulajadi kerajaan?
- A. Kemasukkan firma dalam pasaran mudah dilakukan
 - B. Barang yang dikeluarkan mempunyai pengganti sempurna
 - C. Modal diperlukan dalam pengeluaran barang adalah tinggi
 - D. Harga ditentukan mekanisme harga bagi menjamin kebajikan pengguna
12. Bagaimanakah kerajaan dapat mengawal eksternaliti negatif melalui undang-undang dan peraturan?
- A. Potongan duti jualan terhadap peralatan mesra alam
 - B. Penetapan Zon Kawasan Perindustrian
 - C. Penguatkuasaan Akta Pencatutan
 - D. Perlaksanaan cukai karbon
13. Mengapakah kerajaan ingin mencapai objektif guna tenaga penuh?
- A. Menjamin kestabilan kos sara hidup
 - B. Meningkatkan rizab mata wang asing
 - C. Memaksimumkan jumlah pengeluaran
 - D. Mengurangkan defisit imbalan pembayaran
14. Pernyataan manakah yang menunjukkan peranan kerajaan sebagai pengeluar?
- A. Kewujudan Bandar Baru Chuping melibatkan usahasama antara pihak swasta dan kerajaan.
 - B. Kementerian Pendidikan menawarkan pengambilan guru One-Off
 - C. Pembukaan Hospital Besar Padang Besar dijangka dapat meningkatkan kemudahan kesihatan penduduk sekitar.
 - D. Perlaksanaan dasar upah minimum dijangka dapat meningkatkan produktiviti buruh tempatan.
15. Pernyataan manakah yang betul tentang ciri – ciri pasaran monopoli semula jadi
- A. Lebih daripada seorang pengeluar
 - B. Berkuasa untuk menentukan harga
 - C. Persaingan bukan harga amat penting
 - D. Berlaku kebebasan keluar masuk pasaran

16. Pernyataan yang manakah merupakan tindakan kerajaan untuk mengawal kesan eksternaliti negatif?
- A Memberi subsidi kepada pengeluar barang elektrik di Malaysia
 - B Mengenakan cukai yang tinggi untuk pengguna kereta elektrik
 - C Mengurangkan cukai penggunaan untuk pengguna diesel
 - D Memberi insentif subsidi kepada pengeluar yang menggunakan teknologi hijau
17. Pernyataan yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar?
- A Kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar untuk menstabilkan harga barang dan mengurangkan kos pengeluaran
 - B Dasar harga maksimum merupakan dasar penetapan harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan
 - C Sekatan bukan ekonomi menyebabkan persaingan yang sihat antara firma
 - D Pengenaan cukai menyebabkan firma lebih prihatin terhadap alam sekitar

5.2 PENUNJUK EKONOMI

18. Apakah konsep pengangguran?
- A Tenaga buruh yang aktif mencari kerja dan sanggup bekerja tetapi gagal mendapat pekerjaan.
 - B Tenaga buruh yang sanggup bekerja dan meningkatkan hasil eksport negara.
 - C Tenaga buruh yang sanggup bekerja di syarikat swasta.
 - D Tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan produktif.
19. Peningkatan pertumbuhan ekonomi di Malaysia akan membawa kepada
- I Peningkatan bilangan kakitangan awam.
 - II Peningkatan taraf pendidikan penduduk.
 - III Peningkatan kadar pengangguran.
 - IV Peningkatan infrastruktur fizikal.
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20. Situasi di bawah ialah satu keadaan ekonomi yang berlaku di sebuah negara.

Situasi 1 : Kejatuhan kuasa beli yang berlaku di negara ini kesan daripada kejatuhan nilai mata wang tempatan.

Situasi 2 : Keadaan semakin kritikal apabila kerajaan menaikkan gaji minimum RM1,500 dalam pasaran buruh dilaksanakan di semua sektor sama ada kerajaan atau swasta.

Pasangan yang manakah **benar** berkaitan keadaan inflasi di atas?

	Situasi 1	Situasi 2
A	Inflasi tarikan permintaan	Inflasi diimport
B	Inflasi tolakan kos	Inflasi tarikan permintaan
C	Inflasi diimport	Inflasi tolakan kos
D	Inflasi diimport	Inflasi tarikan permintaan

21. Antara berikut, situasi yang manakah menunjukkan kesan pertumbuhan ekonomi secara mampan?

- A Kewujudan sekolah-sekolah berteraskan vokasional bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.
- B Peningkatan sifat kepenggunaan yang tinggi dalam diri masyarakat sesebuah negara
- C Perubahan dasar pentadbiran berasaskan sentimen politik
- D Pola perubahan system politik negara yang cenderung untuk kerap berubah

22. Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan inflasi?

- A Penggunaan dasar fiskal mengembang untuk mengatasi masalah inflasi
- B Penjualan surat jaminan kerajaan dapat mengawal inflasi dalam negara
- C Proses kejatuhan nilai wang adalah faktor kepada inflasi tarikan permintaan
- D Penurunan harga faktor di luar negara menyebabkan berlakunya inflasi tolakan kos

23. Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?

- A Berlaku akibat kelembapan ekonomi
- B Kurang maklumat tentang pasaran pekerjaan
- C Meletakkan jawatan untuk mencari pekerjaan lain
- D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran khusus

24. Pernyataan yang manakah betul tentang inflasi tolakan kos?
- A Institusi kewangan meningkatkan kadar faedas atas pinjaman
 - B Nilai Ringgit Malaysia rendah di pasaran antarabangsa
 - C Harga bahan mentah untuk pengeluaran semakin mahal
 - D Sumber input yang diimport mengalami kenaikan harga
25. Pasangan yang manakah betul tentang pengangguran?

	Jenis pengangguran	Keterangan
A	Kitaran	Kesan apabila firma mengurangkan pengeluaran
B	Kitaran	Bersifat sementara dalam jangka masa pendek
C	Geseran	Wujud apabila ekonomi negara mengalami kemelesetan
D	Geseran	Perubahan daripada sektor utama kepada sektor kedua

26. Maklumat di bawah menunjukkan keadaan sesebuah ekonomi.

Harga input bagi pengeluaran perabot telah meningkat sebanyak 7% menyebabkan harga perabot di pasaran juga meningkat sebanyak 10%.

Antara yang berikut, jenis inflasi manakah yang berkaitan?

- A. Inflasi diimport
 - B. Inflasi bermusim
 - C. Inflasi tolakan kos
 - D. Inflasi tarikan permintaan
27. Pengangguran geseran berlaku disebabkan oleh
- A keadaan ekonomi yang lembab
 - B perubahan struktur ekonomi negara
 - C kekurangan maklumat tentang pekerjaan
 - D mobiliti dari segi kelayakan dan kemahiran terhad
28. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jenis pengangguran.

Syarikat Bunga Keladi Sdn Bhd telah memberhentikan ramai pekerjaanya kerana ingin mengurangkan kos operasi syarikat.

Apakah jenis pengangguran yang dialami oleh pekerja syarikat tersebut?

- A Pengangguran kitaran
- B Pengangguran struktur
- C Pengangguran geseran
- D Pengangguran bermusim

29. Pilih pasangan yang betul berkaitan jenis inflasi

	Jenis inflasi	Keterangan
A.	Inflasi tarikan permintaan	Peningkatan permintaan barangan Malaysia ekoran kejatuhan nilai Ringgit Malaysia
B.	Inflasi tarikan permintaan	Peningkatan dasar gaji minimum oleh kerajaan
C.	Inflasi tolakan kos	Proses penciptaan kredit yang meningkatkan bekalan wang
D.	Inflasi tolakan kos	Perubahan harga di negara pengekspor yang mempengaruhi tingkat harga

30. Pernyataan di bawah berkaitan dengan satu masalah dalam ekonomi.

Kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan Encik Saiful perlu jimat berbelanja dan mengelakkan dari melakukan hutang yang tidak diperlukan

Pernyataan di atas merupakan kesan inflasi terhadap

- A. tabungan
- B. pendapatan
- C. harga barang
- D. kadar faedah

31. Maklumat berikut adalah satu keadaan dalam ekonomi negara.

Pengangguran wujud pada kadar pengangguran yang sangat rendah iaitu dari 2% hingga 4%

Keadaan yang manakah menyebabkan berlakunya jenis pengangguran di atas?

- A. Masalah kemelesetan ekonomi seluruh dunia
- B. Ketiadaan maklumat yang tepat tentang peluang pekerjaan
- C. Perkembangan kegiatan ekonomi dalam sektor yang berbeza
- D. Harga komoditi yang tidak stabil mengalihkan ke bidang ekonomi berlainan

32. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jenis pengangguran dalam ekonomi.


Punca pengangguran:

- Kemosotan dalam industri
- Pekerja kekurangan kelayakan dan kemahiran

Apakah punca lain yang menyumbang kepada situasi tersebut?

- A. Maklumat pekerjaan yang terhad
- B. Sikap buruh yang memilih pekerjaan
- C. Penurunan dalam permintaan agregat
- D. Berlaku ketidakstabilan harga komoditi

33. Antara berikut yang manakah mempengaruhi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia?
- I Syarikat BioNTech SE dari Jerman membuka cawangannya di Singapura
 - II Marrybrown Malaysia membuka cawangan restoran di Shah Alam, Selangor
 - III Syarikat Tesla (EV) dari Amerika Syarikat membuka cawangan baharu di Damansara
 - IV Penerbangan Batik Malaysia yang beroperasi di Indonesia menghantar balik keuntungan ke Malaysia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
34. Apakah yang menyebabkan berlakunya inflasi tolakan kos?
- A Penurunan pertukaran Ringgit Malaysia
 - B Peningkatan perbelanjaan masyarakat
 - C Pengekalan margin keuntungan
 - D Pertambahan penawaran wang
35. Manakah yang betul tentang kesan inflasi terhadap eksport Malaysia?
- A Daya saing meningkat
 - B Kos pengeluaran menurun
 - C Keuntungan firma meningkat
 - D Permintaan barang tempatan menurun
36. Rajah 4 berkaitan dengan jenis inflasi.



Rajah 4

Pernyataan yang manakah menyebabkan inflasi X berlaku?

- A Wujud lebihan permintaan barang
- B Pendapatan individu semakin meningkat
- C Kadar inflasi negara pengeksport meningkat
- D Upah buruh dan kos bahan mentah bertambah

37. Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?
- A Firma menutup operasi kilang kerana firma mengecilkan operasi
 - B Kekurangan kemahiran menyebabkan orang ramai berhenti kerja
 - C Pekerja kurang mendapat maklumat tentang pekerjaan
 - D Penganggur lebih suka membuat kerja tidak formal
38. Pernyataan yang manakah betul tentang inflasi tolakan kos?
- A Wujud lebih permintaan dalam pasaran
 - B Nilai Ringgit Malaysia mengalami peningkatan
 - C Pertambahan jumlah modal dalam proses pengeluaran
 - D Harga bahan mentah yang diguna dalam operasi firma mahal
39. Pernyataan yang manakah betul tentang kesan pengangguran dalam ekonomi?
- A Jurang pendapatan masyarakat semakin kecil
 - B Meningkatkan pengaliran wang ke luar negara
 - C Kemasukan buruh asing akan bertambah
 - D Berlaku pembaziran sumber ekonomi
40. Pilih pasangan yang betul tentang inflasi.

	Jenis inflasi	Keterangan
A	Tarikan permintaan	Wujud apabila perbelanjaan pengguna meningkat
B	Tarikan permintaan	Berlaku kesan daripada pertambahan modal pengeluaran
C	Tolakan kos	Berlaku kesan daripada peningkatan nilai Ringgit Malaysia
D	Tolakan kos	Wujud apabila harga barang siap yang import menjadi mahal

41. Pernyataan yang manakah betul tentang pengangguran kitaran?
- A Pekerja meletak jawatan apabila mendapat pekerjaan lain
 - B Buruh hilang pekerjaan kerana sikap memilih kerjaya
 - C Pekerja diberhentikan kesan kemelesetan ekonomi
 - D Buruh miliki kemahiran yang tidak bersesuaian

42. Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi

X berlaku kerana terlalu banyak wang mengejar sedikit barang

Apakah kesan X?

- I Nilai wang yang dipegang oleh masyarakat merosot
- II Pendapatan benar masyarakat menurun
- III Kuasa beli masyarakat meningkat
- IV Peluang pekerjaan menurun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5.3 ALAT DASAR EKONOMI

43. Antara yang berikut, yang manakah hasil bukan cukai?

- I Bayaran denda dan penalti
- II Royalti petroleum
- III Duti setem
- IV Tarif

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

44. Pernyataan yang manakah **betul** tentang perbelanjaan mengurus kerajaan?

- A Peningkatan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) kepada golongan sasaran.
- B Penjajaran semula Projek Laluan Rel pantai Timur (ECRL) ke laluan asal.
- C Cadangan pembinaan hospital baharu di daerah Kubang Pasu.
- D Kelulusan pembesaran lapangan terbang Sultan Ismail Petra.

45. Bagaimanakah nisbah rizab berkanun boleh membantu menyelesaikan masalah semasa inflasi?

- A Menyimpan sedikit wang di Bank Pusat.
- B Memberi pinjaman kepada orang ramai.
- C Menurunkan nisbah rizab berkanun.
- D Menaikkan nisbah rizab berkanun.

46. Apakah alat fiskal yang sepatutnya dilakukan oleh kerajaan dalam menangani peningkatan kos sara hidup secara mendadak?
- A Menurunkan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan
 - B Meningkatkan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan
 - C Meningkatkan kadar cukai dan menurunkan perbelanjaan kerajaan
 - D Menurunkan kadar cukai dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan
47. Antara yang berikut, yang manakah dikategorikan sebagai perbelanjaan pembangunan?
- A Pembayaran kelengkapan untuk membangunkan sektor perkhidmatan awam
 - B Pemberian hadiah insentif berbentuk kewangan bagi membangunkan modal insan tempatan
 - C Pemyelenggaraan dan baik pulih kemudahan yang dapat digunakan oleh masyarakat
 - D Pemberian subsidi kepada pengeluar tempatan bagi meningkatkan daya saing pengeluar
48. Apakah kesan pelaksanaan dasar kewangan mengembang oleh bank pusat terhadap ekonomi?
- A Mengawal kenaikan harga barang
 - B Mengurangkan kuasa beli masyarakat
 - C Menjejaskan aktiviti pengeluaran barangan
 - D Menurunkan kadar pengangguran dalam ekonomi
49. Sekiranya bank pusat menetapkan kadar faedah yang lebih tinggi, apakah kesan terhadap ekonomi?
- I Alat untuk mengurangkan pengangguran
 - II Digunakan semasa berlaku inflasi
 - III Kekurangan permintaan agregat berbanding penawaran agregat
 - IV Meningkatkan perbelanjaan agregat dilakukan oleh pengguna
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

50. Pernyataan yang manakah betul tentang perbelanjaan mengurus kerajaan?

- A Cadangan pembinaan hospital baharu di daerah Kubang Pasu
- B Kelulusan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra
- C Peningkatan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) kepada golongan sasaran
- D Penjajaran semula projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) ke laluan asal

51. Maklumat berikut berkaitan dengan cukai langsung.

Anis membeli sebidang tanah pertanian di Kuala Krai

Berdasarkan situasi di atas, apakah cukai langsung yang terlibat?

- A Duti eksais
- B Cukai tanah
- C Cukai keuntungan hartanah
- D Cukai barang dan perkhidmatan

52. Maklumat berikut merujuk kepada satu masalah ketidakstabilan ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 4.4 peratus kepada 127.9 peratus pada Julai 2022 berbanding 122.5 peratus pada bulan yang sama tahun sebelumnya, didorong oleh kenaikan harga makanan.

Sumber : Berita Harian, 29 Ogos 2022.

Antara yang berikut, tindakan manakah dapat mengatasi masalah tersebut?

- I. Kadar faedah pinjaman diturunkan
- II. Menurunkan nisbah rizab berkanun
- III. Memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman
- IV. Menjual surat jaminan kerajaan kepada orang ramai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

53. Pilih pasangan yang betul.

	Cukai Langsung	Cukai Tak Langsung
A	Contoh ialah cukai jualan	Contoh ialah cukai pintu
B	Dikenakan ke atas barangan	Dikenakan ke atas individu
C	Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain	Beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
D	Dibayar terus oleh pembayar cukai kepada kerajaan	Boleh diagihkan kepada pihak lain untuk bayar kepada kerajaan

54. Pernyataan yang manakah betul berkaitan dasar fiskal mengembang?

- A Pembinaan projek pembangunan berkurang
- B Perolehan hasil cukai langsung meningkat
- C Kadar pengangguran cenderung naik
- D Kuasa beli pengguna merosot

55. Jadual 7 menunjukkan sebahagian perbelanjaan kerajaan pada tahun 2022.

Butiran	RM (Juta)
• Selenggara sekolah dan kem tentera	230
• Penyediaan bekalan elektrik luar bandar	485
• Pembinaan hospital dan peralatan baharu	1 800
• Subsidi kawalan harga barang	3 100

Sumber: Laporan Ekonomi 2021/2022

Jadual 7

Berapakah jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan pada tahun tersebut

- A RM715 juta
- B RM2 285 juta
- C RM3 330 juta
- D RM4 900 juta

56. Situasi yang manakah **betul** berkaitan cukai langsung yang diterima kerajaan?

- A. Asmira perlu membayar duti kerana membeli kenderaan yang diimport dari luar negara
- B. Rina perlu membelanjakan bayaran levi kerana menggunakan pembantu rumah dari Indonesia
- C. Zulfakar dikenakan denda oleh pihak berkuasa tempatan akibat tidak mempamerkan kupon tempat meletak kenderaan
- D. Qisya perlu membuat potongan bulanan kepada LHDN kerana gaji diterimanya melebihi nilai yang telah ditetapkan

57. Maklumat di bawah menunjukkan satu contoh komponen perbelanjaan pembangunan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membina rumah kediaman mampu milik untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana seluruh negara.

- Apakah komponen perbelanjaan tersebut?
- A. Sektor keselamatan
B. Sektor pentadbiran am
C. Sektor perkhidmatan sosial
D. Sektor perkhidmatan ekonomi
58. Bank Negara Malaysia menurunkan kadar rizab tunai bank perdagangan. Apakah kesan tindakan tersebut terhadap ekonomi negara?
- I Inflasi dapat dikawal
II Jumlah permintaan barang akan jatuh
III Keupayaan bank memberi pinjaman meningkat
IV Penawaran wang dalam pasaran akan bertambah
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
59. Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan dasar fiskal untuk mengatasi inflasi?
- A Dasar fiskal mengembang akan digunakan
B Kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan
C Alat yang digunakan ialah menurunkan kadar cukai
D Bertujuan untuk meningkatkan permintaan agregat dalam negara.
60. Gambar 5 berkaitan dengan satu sumber hasil kerajaan.



Gambar 5

Pernyataan yang manakah betul ?

- A Jenis cukai ialah cukai langsung
B Beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain
C Cukai yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan di pasaran
D Menyumbangkan peratusan yang terbesar kepada kerajaan persekutuan

61. Maklumat dibawah berkaitan dengan satu masalah ekonomi dalam negara.

KUALA LUMPUR: Inflasi Malaysia meningkat 1.8 peratus pada Februari 2024 dengan mata indeks mencatatkan 132.1 berbanding 129.8 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Apakah alat dasar kewangan yang sesuai dilaksanakan oleh kerajaan ?

- A Menurunkan nisbah rizab tunai
- B Melonggarkan syarat sewa beli
- C Membeli surat jaminan kerajaan
- D Menaikkan kadar faedah pinjaman

62. Pilih pasangan yang betul berkaitan Alat dasar kewangan yang digunakan semasa inflasi.

	Alat dasar kewangan	Kesan
A	Menaikkan nisbah rizab berkanun	Keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman meningkat
B	Menaikkan kadar faedah	Jumlah pinjaman yang dibuat oleh masyarakat berkurang
C	Menjual surat jaminan kerajaan	Penawaran wang dalam pasaran meningkat
D	Melonggarkan syarat sewa beli	Tempoh pinjaman bayaran balik dipendekkan

63. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan cukai langsung?

- A Syarikat Pama Berhad dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan
- B Koperasi Sejahtera membayar cukai atas keuntungan yang diperolehi
- C Cik Azie membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- D Encik Sayuti membayar cukai kepada agensi pekerja asing

64. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kerajaan.

Kerajaan perlu melaksanakan pembaharuan fiskal agar pembangunan ekonomi Malaysia bertunjang di landasan yang mampan dan utuh, kata PMX, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sumber: Astro Awani

Antara yang berikut, pernyataan yang manakah betul dengan tindakan tersebut?

- I Melaksanakan projek pembangunan sosial
- II Pertambahan kos sara hidup
- III Peningkatan permintaan agregat
- IV Memperkenalkan cukai baharu dalam ekonomi

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV